

Kursi Tun Abdul Razak salur input luar bandar

BH- 9 / 12 / 2007

Oleh Saufi Hamzah

BANGI: Datuk Seri Najib Razak, berkata penubuhan Kursi Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berupaya menyalurkan input intelektual kepada pelaksanaan dasar kerajaan dalam konteks pembangunan luar bandar dan wilayah di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, input itu dapat digunakan untuk merangka strategi pembangunan negara apabila orang yang dilantik akan menjalankan tugas penyelidikan menerusi kursi berkenaan.

"Pemilihan Felda amat tepat sebagai penaja utama kepada Kursi Tun Abdul Razak bagi membolehkan penyelidikan mengenai keberkesanan strategi pembangunan luar bandar negara dilaksanakan.

"Sebanyak RM3 juta akan diberikan untuk kursi ini, di mana RM1 juta diserahkan malam ini dan selebihnya akan menyusul. Itu janji saya," katanya ketika berucap pada majlis Santapan Diraja sempena pelancaran Kursi Tun Abdul Razak dan Buku UKM: Pengiktirafan Kecemerlangan II di Dewan Canselor Tun Abdul Razak UKM, di sini, malam tadi.

Pelancaran Kursi Tun Abdul Razak disempurnakan oleh Canselor UKM, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman. Hadir sama, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Tuanku Besar Burhanuddin; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin dan Pengerusi Yayasan Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Najib berkata, penubuhan Kursi Tun Abdul Razak untuk pengajian pembangunan luar bandar amat te-

pat pada masanya, manakala pemilihan UKM sebagai universiti hos pula adalah wajar.

Beliau berkata, penderitaan yang dialami masyarakat luar bandar dan usaha memerangi kemiskinan serta mengangkat maruah bangsa menjadi teras perjuangan sepanjang hayat bapanya.

Katanya, peranan bapanya sewaktu menjadi Perdana Menteri boleh dikategorikan kepada tiga dimensi iaitu sebagai pencetus dan penggubal dasar utama negara sama ada pada peringkat memperjuangkan kemerdekaan sehingga kepada pengwujudan Buku Merah bertujuan membawa pembangunan di luar bandar bagi memastikan masyarakat berkenaan tidak terpinggir.

"Ini diikuti pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam usaha mengangkat martabat bangsa dan memerangi kemiskinan bagi menentukan pembangunan lebih adil yang diperjuangkan sehingga hari ini. Dimensi kedua pula dengan pengwujudan pelbagai institusi dan agensi seperti Felda, Felcra, Institut Teknologi Mara (ITM), Risda, Mara dan lain-lain bagi memastikan kejayaan semua dasar.

"Bukti kesungguhan Tun Abdul Razak ialah pada 1962 apabila Allahyarham membuat lawatan sejauh 43,000 batu menerusi jalan raya termasuk jalan tanah merah, kapal terbang, helikopter, bot, berbasikal dan berjalan kaki bagi meninjau keadaan dan projek pembangunan di seluruh negara. Begitulah komitmen Allahyarham terhadap amanah bangsanya," katanya.

Najib berkata, dimensi ketiga pula ialah melalui kepimpinan Abdul Razak menerusi sistem kerja yang teratur dan budaya kerja yang memperlihatkan kesungguhan serta komitmen untuk memperjuangkan



KENANG JASA: Tuanku Ja'afar bersalaman dengan Najib selepas merasmikan majlis Santapan Diraja sempena pelancaran Kursi Tun Abdul Razak dan Buku UKM: Pengiktirafan Kecemerlangan II di Bangi, malam tadi.

“RM3 juta akan diberikan untuk kursi ini, di mana RM1 juta diserahkan malam ini (tadi) dan selebihnya akan menyusul”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

untung nasib rakyat.

Katanya, tiga gaya kepemimpinan bapanya iaitu berbush jacket, bertongkat dan berdehem turut mencerminkan keunggulan Tun Abdul Razak untuk membela nasib penduduk di luar bandar.

"Hasil pelbagai usaha dan rancangan yang sudah diasaskan Allahyarham, Malaysia muncul sebagai negara membangun yang paling progresif dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Di antara 1970 hingga sekarang, kadar kemiskinan dapat dikurang-

kan daripada 58.7 peratus kepada lima peratus dan kerajaan berusaha menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Najib menerima sumbangan untuk Kursi Tun Abdul Razak sebanyak kira-kira RM1.4 juta. Sumbangan itu membabitkan RM100,000 daripada Jabatan Perdana Menteri, Felda (RM1 juta), Kerajaan Pahang (RM50,000), Kerajaan Selangor (RM30,000), Kerajaan Melaka (RM20,000) dan Alumni UKM sebanyak RM200,000.